

46 pembelot orang Melayu — Mahathir

21 SEP 1990
KUALA LUMPUR, 20 Okt. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pengundi-pengundi supaya memastikan Parti Semangat 46 tidak lagi wujud di negara ini kerana parti itu telah menjadi pembelot orang Melayu.

Menurutnya, kerjasama Semangat 46, DAP dan Parti Bersatu Sabah (PBS) jelas menunjukkan bahawa perjuangannya bukan untuk kepentingan Melayu dan agama Islam dan ia tidak harus diberi tempat walaupun satu undi.

"Kita dah tahu sikap Semangat 46 yang membebel Pas, orang Melayu, jadi kita kena pastikan parti itu tidak wujud selepas pilihanraya ini," kata Perdana Menteri semasa berucap di majlis perjumpaan dengan penduduk-penduduk di Kampung Lahar, Mukim Malau dan Padang Panjang dekat sini.

Beliau yang juga calon kerusi Parlimen Kawasan Kubang Pasu bersama rombongannya telah mengadakan lawatan di 13 buah bilik Gerakan Barisan Nasional di kawasan itu hari ini.

Turut serta ialah Isteri Perdana Menteri, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Men-

teri Besar Dato' Sri Haji Osman Aroff, exco-exco kerajaan negeri dan dif-dif kehormat.

Kata Perdana Menteri, suasana pilihanraya kali ini berbeza dengan sebelumnya kerana Pas yang dahulunya menjadi pembangkang kepada Barisan Nasional kini berbaik-baik dengan Semangat 46 dan DAP.

Beliau berkata, Pas sanggup menjual harta dan ahli-ahlinya dengan Semangat 46 dan DAP semata-mata untuk menjaga hati kawan tanpa memikirkan bahawa Semangat 46 telah memperalatkan Pas.

Jelasnya, kalau dulu Pas bertanding sebanyak 93 kerusi tetapi sekarang parti itu menghadapi masalah untuk memerintah kerana hanya memiliki 32 kerusi sahaja manakala bakinya 61 kerusi telah dijual kepada Semangat 46 dan DAP.

"Semangat 46 telah ambil 52 kerusi manakala DAP 59 kerusi, macam mana Pas nak memerintah dengan 32 kerusi saja?," katanya.

Mengenai hubungan baik Semangat 46 dan DAP, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau belum

mendengar kemarahan ahli-ahli Pas terhadap Semangat 46 sedangkan PBS terang-terang anti Islam dan orang Melayu tetapi nampak seperti Pas menyokong PBS.

Menurutnya, sebagai parti Islam adalah lebih baik ahli-ahli Pas mengundi Barisan Nasional dari menyokong Semangat 46 yang ada hubungan dengan parti anti Islam.

Kata Perdana Menteri, jika Barisan Nasional diberi mandat tumpuan pembangunan akan diberi di kawasan luar bandar terutama penduduk-penduduk miskin.

Beliau yang berpuas hati dengan prestasi tenaga pekerja Barisan Nasional di Kubang Pasu menyeru penduduk-penduduk keluar mengundi beramai-ramai dan menyokong Barisan Nasional demi kestabilan dan keamanan negara.

Beliau menambah: "Kalau pengundi-pengundi tu sakit, usung mereka ke tempat mengundi, mereka yang duduk jauh pulak kalau patut balik, balikkah mengundi dan kalau patut pos poslah."